



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) **menafikan** kesahihan dokumen berkaitan "Tatacara Pengurusan Ibadah Korban Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) Negeri Perak" seperti yang sedang tular di media sosial. JAIPk **menegaskan** bahawa dokumen sebenar sedang dalam peringkat semakan dan penelitian.
2. Malaysia Airlines **menafikan** kesahihan beberapa laman sesawang palsu 'Malaysia Airlines' yang sedang tular menerusi pencarian Google. Malaysia Airlines **menegaskan** bahawa laman sesawang rasminya hanyalah www.malaysiaairlines.com dan menasihati orang ramai untuk melayari laman sesawangnya yang rasmi sahaja sebelum membuat tempahan penerbangan Malaysia Airlines secara *online*.

